

SIARAN AKHBAR

CYBERSECURITY MALAYSIA MAMPU MENJADI PASUKAN ELIT MENANGANI JENAYAH SIBER

PUTRAJAYA, 25 MEI, 2015 - Cybersecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), mampu untuk menjadi pasukan elit menangani jenayah siber negara serta melaksanakan program serta inisiatif keselamatan siber yang lebih strategik dan fokus jika mandat diberikan kepada agensi tersebut.

"Cybersecurity Malaysia merupakan pusat pakar keselamatan siber negara dan bertanggungjawab untuk memastikan aspek e-Keselamatan Nasional, di samping mengenal pasti bidang-bidang yang boleh membahayakan keselamatan Negara dan kesejahteraan rakyat secara berterusan," kata YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Ini bermakna, Negara sudah pun mempunyai sebuah organisasi yang dilengkapi dengan kepakaran, pengalaman, kredibiliti dan reputasi untuk terus menerajui bidang keselamatan siber di Malaysia termasuk penubuhan pasukan elit keselamatan siber.

"Dengan keupayaan CyberSecurity Malaysia dalam menghadapi serangan siber dan menghalang ancaman siber, maka tiada keperluan untuk Kerajaan mewujudkan satu organisasi baru dalam menangani dan

menangkis serangan siber. Saya berasa sudah tiba masanya agar Cybersecurity Malaysia diberi mandat untuk menjadi pasukan elit bagi menangani jenayah siber negara," kata beliau lagi.

Menurut beliau lagi, CyberSecurity Malaysia juga menyediakan dan menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan keselamatan siber serta bantuan teknikal termasuk program-program berbentuk latihan kepakaran dalam bidang keselamatan siber.

Selain itu, CyberSecurity Malaysia juga telah diberi amanat untuk mewujudkan satu prasarana keselamatan siber yang kondusif melalui program kesedaran keselamatan siber dalam kalangan warga digital Malaysia agar mereka dapat melayari Internet dengan selamat dan secara positif.

CyberSecurity Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemampuan serta skill kepakaran melalui pelbagai usaha strategik bagi menyediakan perkhidmatan inovatif, antaranya perkhidmatan Kepakaran dan Makmal Forensik Digital, Pusat Penyelidikan Malware dan Pasukan Tindakbalas Keselamatan Siber, Skim Penilaian dan Pensijilan berdasarkan standard antarabangsa yang diiktiraf melalui Badan Pensijilan Keselamatan Maklumat, serta Program-program CyberSAFE dan latihan kepakaran Keselamatan Siber Malaysia.

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

No. Telefon : 03-8885 8822

No. Faks : 03-8890 3092

Pertanyaan lanjut : **Alice Suriati Mazlan (019-3274966)**

Ketua Komunikasi Korporat